

PERSEPSI KENDIRI MURID TERHADAP TUGASAN ANALISIS TEKS DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

(Student's Self-Perception of Text Analysis Tasks in History Subject)

M. Kaviza

ABSTRAK

Kajian tinjauan berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks dari segi minat, kompetensi, pilihan dan tekanan. Seramai 55 orang murid Tingkatan Empat berdasarkan teknik persampelan bertujuan terlibat dalam kajian ini. Soal selidik *Task Evaluation Inventory* yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam pendidikan sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik merupakan instrumen kajian ini. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tahap persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Tambahan pula, persepsi kendiri dari aspek minat, kompetensi dan pilihan berada pada tahap tinggi, manakala persepsi kendiri dari aspek tekanan pula berada pada tahap rendah dalam kajian ini. Implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa guru-guru sejarah untuk mereka bentuk tugas analisis teks sebagai salah satu aktiviti pembelajaran efektif di dalam kelas.

Kata kunci: Pembelajaran sejarah, persepsi kendiri, tugas analisis, sumber teks.

ABSTRACT

This descriptive survey study aims to identify the level of self-perception of text analysis tasks in terms of interest, perceived competence, perceived choice and pressure. A total of 55 form four students through purposive sampling technique are involved in this study. The adapted Task Evaluation Inventory which have been verified by two content matter expert in history education and have good reliability values are the instrument of this study. The data were analyzed descriptively through the IBM SPSS software. The findings of this study indicated that the level of self-perception of text analysis tasks is at a moderate level. Furthermore, self-perception in terms of interests, perceived competencies and perceived choices is at a high level, while self-perception of pressure aspect is at low level in this study. The implication of this study have suggested that history teachers can design text analysis tasks as one of effective learning activities in the classroom.

Keywords: History learning; self-perceptions, analysis task, text sources

PENGENALAN

Oleh kerana ilmu sejarah melibatkan proses penyelidikan tentang sesuatu perkara yang telah berlaku yang ditafsir dengan menggunakan bahan bukti sejarah (Hazri Jamil, 2003; Brown, & Dotson, 2007; Hover, Hicks & Dack, 2016; Wineburg, 1991; Fitzgerald, 2009), maka tugas analisis teks yang menekankan kepada proses pembelajaran secara mendalam yang merupakan pendekatan berpusatkan murid adalah suatu yang disarankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dapat menggalakkan penglibatan aktif murid dengan menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik bagi membolehkan murid meningkatkan kompetensi dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2003; 2018). Hal ini kerana penggunaan sumber teks dalam mata pelajaran sejarah bukanlah suatu yang asing lagi disebabkan oleh murid-murid diberikan peluang untuk mengkaji, menganalisis dan memahami kandungan sumber tersebut bagi mesbentuk suatu pemahaman yang mendalam (Johansson, 2017; Reisman & Fogo, 2015; Hynd, 1999; Rantala, & Van Den Berg, 2015; Nieuwenhuyse, Roose, Wils, Depaepe & Verschaffel, 2017) selaras dengan matlamat kurikulum sejarah untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia (PPK, 2003, 2018).

Sehubungan dengan itu, tugas analisis teks merujuk kepada aktiviti tafsiran sejarah yang dilakukan bagi membolehkan murid-murid membuat penjelasan yang konkrit terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku bagi menjana proses pemikiran dan pemahaman yang baik (Brante, 2019; List, Du & Wang, 2019; Rouet, Britt, Mason & Perfetti, 1996). Hal ini bertepatan kerana koleksi sumber teks seperti catatan, laporan, surat, buku harian, dokumen, rekod, enskliopedia, majalah, buku teks, risalah dan sebagainya dalam ilmu sejarah ditakrifkan sebagai karya yang menyediakan maklumat tentang suatu fakta, kejadian atau siri kejadian sejarah pada masa lepas (Suntharalingam, 1985; Breakstone & Smith, 2013; Du & List, 2020). Mengakui tentang kepentingan penggunaan sumber teks telah menyediakan peluang kepada guru-guru untuk mengintegrasikan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berdasarkan tugas analisis teks merupakan alternatif kepada kaedah pengajaran sedia ada yang menekankan kepada amalan *Chalk and Talk* dan penghafalan maklumat (Omardin haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996; Hazri Jamil, 2003). Sungguhpun aktiviti tugas analisis teks dilaporkan dapat meningkatkan daya kefahaman dan berfikir dalam kalangan murid (Macedo-Rouet, Braasch, Britt, & Rouet, 2013; Reisman, 2012; Merkt, Werner, & Wagner, 2017), namun persepsi kendiri murid terhadap tugas analisis yang dilakukan perlu diketahui bagi membolehkan murid-murid dapat membuat penilaian atau refleksi tentang kebolehan, keterlibatan dan kefahaman mereka terhadap kandungan teks-teks yang dianalisis. Hal ini kerana melalui konsep kendiri yang dirujuk sebagai persepsi seseorang mengenainya dirinya berdasarkan interaksi antara pengalaman dengan persekitaran yang dilaluinya (Wirth & Villares, 2015; Shavelson, Hubner & Stanton, 1976). Justeru, terdapat satu keperluan untuk mengenal pasti persepsi kendiri murid semasa mereka menganalisis tugas-tugas teks dalam mata pelajaran sejarah. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks. Secara khususnya, kajian ini diharapkan menjawab satu objektif kajian iaitu:

1. Mengenal pasti tahap persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks dari aspek minat, kompetensi, pilihan dan tekanan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan berbentuk deskriptif (Creswell, 2014) ini melibatkan 55 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan di sebuah sekolah menengah harian di utara Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada *Task Evaluation Inventory* (Ryan, Koestner & Deci, 1991; Deci & Ryan, 1985) yang terdiri daripada 22 item yang digunakan untuk mengukur kecenderungan dan tanggapan kendiri murid terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan di dalam kelas. Instrumen tersebut telah diterjemahkan melalui kaedah *back to back translation* dengan bantuan dua orang pakar penterjemah dalam bidang bahasa. Kebenaran menggunakan dan menterjemahkan instrumen tersebut telah diperolehi daripada pembinanya melalui email. Instrumen tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pengajaran sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* iaitu 0.78 yang dianggap baik dan boleh diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Dalam kajian ini, pengkaji telah mereka bentuk empat tugas analisis teks bagi topik Tamadun Awal Manusia. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi tahap persepsi kendiri murid terhadap tugas analisis teks dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap skor min yang diadaptasi daripada Jamil Ahmad (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1. Terdapat enam item negatif dalam instrumen tersebut telah dikod semula sebelum proses analisis data dilakukan.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Persepsi Kendiri Murid

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks


Berdasarkan Jadual 2, tahap persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks berada pada tahap sederhana ($M=3.52$, $SD=0.44$). Tahap persepsi kendiri berada pada tahap tinggi dalam tugas keempat ($M=3.68$, $SD=0.44$) berbanding dengan tugas pertama ($M=3.38$, $SD=0.46$), tugas kedua ($M=3.49$, $SD=0.38$) dan tugas ketiga ($M=3.60$, $SD=0.42$). Berdasarkan Graf 1, persepsi kendiri terhadap tugas analisis teks adalah meningkat dari tugas pertama hingga ke tugas keempat dalam kajian ini. Maka, dapat dirumuskan bahawa persepsi kendiri adalah meningkat secara berterusan sepanjang proses pembelajaran tersebut. Hal ini kerana murid-murid bersikap positif terhadap tugas analisis sejarah yang diberikan walaupun aktiviti pembelajaran tersebut didapati berbeza dengan amalan pengajaran sejarah sedia ada. Dapatkan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Niewenhuyse, Roose, Wils, Depaepe, Verschaffel, (2017), Getman-Ersao dan Culkin, (2017) dan Nersater, (2019) yang melaporkan bahawa analisis teks dalam proses

pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat meningkatkan proses pemahaman yang lebih baik. Oleh yang demikian, pembelajaran sejarah berasaskan tugas analisis teks dapat membentuk sikap positif terhadap proses pengajaran sejarah dalam kajian ini.

Jadual 2: Persepsi kendiri Terhadap Tugasan Analisis Teks

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tugasan 1	3.38	0.46	Sederhana
Tugasan 2	3.49	0.38	Sederhana
Tugasan 3	3.60	0.42	Sederhana
Tugasan 4	3.68	0.44	Tinggi
Keseluruhan	3.52	0.44	Sederhana

Graf 1: Persepsi Kendiri Terhadap Tugasan Analisis Teks




i) Persepsi kendiri dari aspek minat terhadap tugasan analisis teks

Berdasarkan Jadual 3, tahap persepsi kendiri dari aspek minat terhadap tugas analisis sumber-teks berada pada tahap tinggi ($M=4.01$, $SD=0.80$). Tahap persepsi kendiri dari aspek minat berada pada tahap tinggi dalam keempat-empat tugas analisis teks yang telah direkabentuk dalam kajian ini. Berdasarkan Graf 2, tahap persepsi yang tinggi tersebut dapat dibuktikan melalui min persepsi yang meningkat secara berterusan antara tugas pertama ($M=3.86$, $SD=0.78$), tugas kedua ($M=3.87$, $SD=0.63$), tugas ketiga ($M=4.11$, $SD=0.88$) dan tugas keempat ($M=4.27$, $SD=0.84$) dalam kajian ini. Maka, dapat dirumuskan bahawa persepsi kendiri dari aspek minat adalah meningkat secara berterusan sepanjang aktiviti pembelajaran tersebut dilaksanakan di dalam kelas. Hal ini kerana murid lebih gemar dan berminat dengan aktiviti pembelajaran sejarah secara *hands-on* yang berpusatkan murid. Pendapat ini adalah selaras dengan pendapat Fitzgerald (2009), Swan, Hofer dan Gallachio, (2006) dan Nokes, (2014) yang menjelaskan bahawa murid-murid dilaporkan lebih suka dengan aktiviti yang bukan berteraskan kepada penghafalan yang menimbulkan kebosanan dalam diri mereka yang secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada proses pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, pembelajaran sejarah berasaskan tugas analisis teks dapat membentuk minat belajar yang baik secara berterusan dalam kajian ini.

Jadual 3: Persepsi Kendiri dari Aspek Minat Terhadap Tugasan Analisis Teks

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tugasan 1	3.86	0.78	Tinggi
Tugasan 2	3.87	0.63	Tinggi
Tugasan 3	4.11	0.88	Tinggi
Tugasan 4	4.27	0.84	Tinggi
Keseluruhan	4.01	0.80	Tinggi

Graf 2: Persepsi Kendiri dari Aspek Minat Terhadap Tugasan Analisis Teks



ii) Persepsi kendiri dari aspek kompetensi terhadap tugas analisis teks


Berdasarkan Jadual 4, tahap persepsi kendiri dari aspek kompetensi terhadap tugas analisis teks secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi ($M=3.71$, $SD=0.72$). Tahap kendiri dari aspek kompetensi berada pada tahap tinggi dalam tugas ketiga ($M=3.84$, $SD=0.76$) dan tugas keempat ($M=3.97$, $SD=0.69$) berbanding dengan tugas pertama ($M=3.56$, $SD=0.70$) dan tugas kedua ($M=3.59$, $SD=0.65$) yang berada pada tahap sederhana. Berdasarkan Graf 3, persepsi kendiri dari aspek kompetensi menunjukkan peningkatan secara berterusan antara tugas pertama hingga ke tugas ketiga dalam kajian ini. Maka, dapat dirumuskan bahawa murid-murid didapati lebih berkemahiran dan berpengetahuan dalam membuat analisis teks-teks sejarah apabila mereka didekah dengan aktiviti pembelajaran tersebut secara intensif di dalam kelas. Pendapat ini adalah seiring dengan kajian Rantala dan Van Den Berg, (2015), Wiley dan Voss, (1999), Fehn dan Koeppen, (1998) dan Nokes, Dole & Hacker, (2007) yang mendapati bahawa kebolehan mentafsir dapat dipertingkatkan dengan lebih baik melalui proses analisis secara analitikal dan kritikal berdasarkan bahan bukti sejarah. Oleh yang demikian, proses pembelajaran sejarah berdasarkan tugas analisis teks dapat menerapkan kompetensi kemahiran dan pengetahuan sejarah secara efektif dalam kajian ini.

Jadual 4: Persepsi Kendiri dari Aspek Kompetensi Terhadap Tugasan Analisis Teks

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tugasan 1	3.56	0.70	Sederhana

Tugasan 2	3.59	0.65	Sederhana
Tugasan 3	3.84	0.76	Tinggi
Tugasan 4	3.95	0.69	Tinggi
Keseluruhan	3.71	0.72	Tinggi

Graf 3: Persepsi Kendiri dari Aspek Kompetensi Terhadap Tugasan Analisis Teks



iii) Persepsi kendiri dari aspek pilihan terhadap tugas analisis teks


Berdasarkan Jadual 5, tahap persepsi kendiri dari aspek pilihan terhadap tugas analisis teks secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi ($M=3.87$, $SD=0.76$). Tahap persepsi kendiri dari aspek pilihan bagi tugas kedua ($M=3.94$, $SD=0.63$), tugas ketiga ($M=4.00$, $SD=0.77$) dan tugas keempat ($M=4.11$, $SD=0.70$) adalah lebih tinggi berbanding dengan tugas pertama ($M=3.59$, $SD=0.79$). Berdasarkan Graf 4, min persepsi kendiri dari aspek pilihan juga menunjukkan pola peningkatan antara tugas pertama hingga ke tugas keempat dalam kajian ini. Maka, dapat dirumuskan bahawa persepsi kendiri dari aspek pilihan terhadap tugas analisis teks adalah meningkat secara berterusan dari tugas pertama hingga ke tugas keempat disebabkan oleh murid-murid mempunyai pelbagai pilihan untuk menyiapkan tugas-tugas yang diberikan dengan lebih baik berbanding hanya bergantung dengan arahan yang ditetapkan. Situasi ini secara tidak langsung dapat membentuk murid-murid untuk lebih bersikap kreatif dan inovatif dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Pendapat yang sama juga telah dicadangkan oleh Wineburg, (1991), Cerdan, Marin dan Candel, (2013) dan Wiley, Griffin, Steffens dan Britt, (2020) yang menjelaskan bahawa murid-murid mempunyai kepercayaan epistemologi yang baik dapat membentuk strategi-strategi baru dalam proses analisis. Oleh yang demikian, pembelajaran sejarah berasaskan tugas analisis teks dapat membolehkan murid-murid lebih bertanggungjawab terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kelas.

Jadual 5: Persepsi Kendiri dari Aspek Pilihan Terhadap Tugasan Analisis Teks

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tugasan 1	3.59	0.79	Sederhana
Tugasan 2	3.94	0.63	Tinggi
Tugasan 3	4.00	0.77	Tinggi
Tugasan 4	4.11	0.70	Tinggi

Keseluruhan	3.87	0.76	Tinggi
-------------	------	------	--------

Graf 4: Persepsi Kendiri dari Aspek Pilihan Terhadap Tugasan Analisis Teks




iv) Persepsi kendiri dari aspek tekanan terhadap tugas analisis teks

Berdasarkan Jadual 6, tahap persepsi kendiri dari aspek tekanan terhadap tugas analisis teks secara keseluruhannya berada pada tahap rendah ($M=2.28$, $SD=0.70$). Tahap persepsi kendiri dari aspek tekanan adalah kurang dari tugas pertama ($M=2.41$, $SD=0.62$), tugas kedua ($M=2.33$, $SD=0.70$), tugas ketiga ($M=2.23$, $SD=0.80$) dan tugas keempat ($M=2.13$, $SD=0.64$). Tahap penurunan tekanan terhadap pembelajaran juga ditunjukkan dalam Graf 4 yang telah memaparkan pola perubahan secara berterusan antara keempat-empat tugas analisis yang telah direkabentuk dalam kajian ini. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi kendiri dari aspek tekanan dalam kajian ini adalah rendah telah menunjukkan bahawa murid tidak berasa tertekan semasa menyiapkan tugas analisis sumber-sumber dokumen teks sejarah. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa tugas analisis teks-teks tersebut bukanlah sesuatu yang sangat sukar, malah tugas tersebut menjadi mudah apabila ianya kerap dipraktikkan di dalam kelas dan diintegrasikan secara teratur dan sistematik dengan mengambil kira aspek beban kognitif murid. Pendapat ini adalah selaras dengan kajian Stromso dan Braten, (2014), Nokes, (2011), Hastings, Hughes, Magliano, Goldman dan Lawless (2012), Stahl, Hynd, Britton dan McNish (1996), dan Cerdan, Candel dan Leppink, (2018) yang mendapati bahawa reka bentuk tugas analisis yang mengambil kira aspek beban kognitif dapat memudahkan proses pentafsiran teks-teks dilakukan. Oleh yang demikian, tahap persepsi dari aspek tekanan melalui pembelajaran sejarah berdasarkan analisis tugas teks dapat meningkatkan kapasiti penguasaan murid dalam kajian ini.

Jadual 6: Persepsi Kendiri Tekanan Terhadap Tugas Analisis Teks

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tugas 1	2.41	0.62	Rendah
Tugas 2	2.33	0.70	Rendah
Tugas 3	2.23	0.80	Rendah
Tugas 4	2.13	0.64	Rendah

Keseluruhan	2.28	0.70	Rendah
-------------	------	------	--------



Graf 5: Persepsi Kendiri Tekanan Terhadap Tugasan Analisis Teks

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap persepsi kendiri murid terhadap tugas analisis teks berada pada tahap sederhana dalam kajian ini walaupun persepsi kendiri dari aspek minat, kompetensi dan pilihan berada pada tahap tinggi berbanding dengan persepsi kendiri dari aspek tekanan yang berada pada tahap rendah. Tahap persepsi kendiri yang baik melalui tugas analisis teks yang dilaporkan dalam kajian ini adalah disebabkan oleh murid-murid berasa seronok dengan aktiviti tugas yang mencabar minda yang dapat merangsang pemikiran kritis dan kreatif. Implikasi kajian ini telah menyediakan sumber rujukan kepada para pendidik untuk mereka bentuk aktiviti tugas analisis teks secara meluas pada semua peringkat persekolahan bagi membentuk suasana pembelajaran yang menarik seperti yang disarankan oleh pihak PPK.

RUJUKAN

- Brante, E.W. (2019). A multiple-case study on students' sourcing activities in a group task. *Information & Communications Technology in Education*, 6, 1-23.
- Breakstone, J., & Smith, M. (2013). Using Library of Congress Primary Sources for assessment. *The TPS Journal*, 1(3), 1-8.
- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *Tech Trends*, 51(3), 30-37
- Cerdan, R., Candel, C & Leppink, J. (2018). Cognitive load and learning in the study of multiple documents. *Frontiers in Psychology*, 1-7.
- Cerdan, R., Marin, M.C & Candel, C. (2013). The role of perspective on student's use of multiple documents to solve an open-ended tasks. *Psicología Educativa*, 85-94.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). New Jersey: Pearson Prentice Hall.

- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination of Human Behavior*. New York: Plenum.
- Du, H & List, A. (2020). Researching and writing based on multiple texts. *Learning and Instruction*, 1-26.
- Fehn, B & Koeppen, K.E. (1998). Intensive document-based instruction in a social studies methods course and student teachers' attitudes and practice in subsequent field experiences. *Theory and Research in Social Education*, 26(4), 461-484.
- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43.
- Getman-Eraso, J & Culkin, K. (2017). Close reading: Engaging and empowering history students through document analysis on eportfolio. *International Journal of ePortfolio*, 7(1), 29-42.
- Hastings, P., Hughes, S., Magliano, J.P., Goldman, S.R & Lawless, K. (2012). Assessing the use of multiple sources in student essay. *Behaviour Research*, 44, 622-633.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Hynd, C.R. (1999). Teaching students to think critically using multiple texts in history. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 42(6), 428-436.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- List, A., Du, H & Wang, Y. (2019). Understanding students' perceptions of tasks assignments. *Contemporary Educational Psychology*.
- Macedo-Rouet, M., Braasch, J.L.G., Britt, M.A & Rouet, J.F. (2013). Teaching Fourth and Fifth Graders to Evaluate Information Sources During Text Comprehension. *Cognition and Instruction*, 31(2), 204-226.
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical thinking skills and mastery of multiple documents tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Nersater, A. (2019). Building on student conceptions in the design of history instruction addressing sources: A learning study in upper secondary school. *International Journal for Lesson and Learning Studies*.
- Nieuwenhuyse, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning with and /or about sources? The use of primary sources in Flemish Secondary school history education. *Journal of Historical consciousness, historical cultures and history education*, 48-70.
- Nokes, J.D., Dole, J.A & Hacker, D.J. (2007). Teaching high school students to use heuristics while reading historical texts. *Journal of Educational Psychology*, 99(3), 492-504.
- Nokes, J.D. (2011). Recognizing and addressing the barriers to adolescents "Reading like Historians". *The History Teacher*, 44(3), 379-404.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' roles and epistemic stances during document-based history lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.

- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2018). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, historical cultures and history education*, 2(1), 70-88.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Rothschild, E. (2000). The impact of the document-based question on the teaching of United States History. *The History Teacher*, 33(4), 495-500.
- Rouet, J-F., Britt, M.A., Mason, R.A & Perfetti, C.A. (1996). Using multiple sources of evidence to reason about history. *Journal of Educational Psychology*, 88(3), 478-493.
- Ryan, R.M., & Koestner, R., & Deci, E.L. (1991). Varied forms of persistence: When free-choice behavior is not intrinsically motived. *Motivation and Emotion*, 15, 185-205.
- Shavelson, R.J., Hubner, J.R & Stanton, G.C. (1976). *Self-concept, validation of construct interpretation*. Proceesing 6th Asian Workshop on Child Adolescent Development, 264-273.
- Stahl, S.A., Hynd, C.R., Britton, B.K., McNish, M.M., & Bosquet, D. (1996). What happens when students read multiple source documents in history? *Reading Research Quarterly*, 31(4), 430-456.
- Stromso, H & Braten. I. (2014). Students' sourcing while reading and writing from multiple web documents. *Nordic Journal of Digital Literacy*, 9(2), 92-111.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn Bhd
- Swan, K.O., Hofer, M.J & Gallachio, L. (2006). Historical scene investigation (HSI); Engaging students in case based investigations using web based historical documents. *Social Studies Research and Practice*, 1(2), 250-261.
- Wiley, J & Voss, J. (1999). Constructing arguments from multiple sources: Tasks that promote understanding and not just memory for text. *Journal of Educational Psychology*, 91(2), 301-311.
- Wiley, J., Griffin, T.D, Steffens, B & Britt, M.A. (2020). Epistemic belief about the value of intergrating information across multiple documents in history, 1- 16.
- Wineburg, S.S. (1991). On the Reading of Historical Texts: Notes on the Breach between School and Academy. *American Educational Research Journal*, 28(3), 495-519.
- Wirth, J. & Villares, E. (2015). Examining adolescent wellness, success skills and academic performance: A classroom intervebtion approach. *The Journal of Happiness & Well-Being*, 3(2), 204-217.

MAKLUMAT PENULIS

M. Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia
kavizakaviza@yahoo.com